

Kegiatan harian penduduk kampung selalu terjejas

Kerap sangat gangguan air

Oleh NADZARUL AMIR
ZAINAL AZAM
amir@kosmo.com.my

NILAI - Bosan! Itulah perasaan penduduk Kampung Mendom, Lenggeng yang sering kali berhadapan dengan masalah terputus bekalan air.

Apakah tidaknya boleh dikatakan setiap bulan penduduk terpaksa berdepan dengan masalah bekalan air terputus di kawasan kampung mereka gara-gara paip sering pecah.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Mendom, Zakaria Aman berkata, bulan ini sahaja sudah empat kali gangguan bekalan air berlaku di kawasan kampung terbabit.

“Setiap kali bekalan air ter-

putus, aduan akan dibuat kepada Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) untuk mengatasi masalah yang dihadapi penduduk.

“Apa yang dikesali sangat oleh penduduk, walaupun paip bocor dibaiki tetapi masalah yang sama akan berulang lagi kerana kontraktor yang diupah oleh JBANS melakukan kerja-kerja pembaikan secara sambil lewa,” dakwanya ketika ditemui **KOSMO!** semalam.

Dakwanya lagi, kawasan yang dibaik pulih juga dibiarkan begitu sahaja tanpa dibersihkan atau diturap semula, ini akan menyusahkan penduduk di sini.

Menurut Zakaria, dia berharap kerajaan negeri dapat melakukan sesuatu dengan menukar paip-paip lama di

lima buah kampung di situ yang dipercayai telah digunakan sejak tahun 1970-an lagi.

“Sudah tiba masanya paip-paip ini diganti dengan paip-paip baru kerana setiap kali gangguan bekalan air berlaku segala aktiviti harian akan terganggu. Yang peliknya gangguan akan berlaku pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

“Tentu sekali aktiviti keramaian seperti kenduri-kendara akan terjejas setiap kali gangguan berlaku. Ini tidak termasuk jika terdapat kematian bagaimana kami hendak mandikan jenazah,” katanya.

Katanya lagi, akibat dari gangguan bekalan air ini penduduk terpaksa berjalan jauh untuk mendapatkan bekalan air dari Sungai Chohor.



ZAKARIA menunjukkan kesan pembaikan tidak sempurna paip pecah yang didakwa dijalankan oleh kontraktor di Kampung Mendom, Lenggeng semalam.